

# PDRM, UMS bekerjasama teroka bidang psikologi pulih pejuang IS

NST

25·12·14 8

KOTA KINABALU: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama menjalankan kajian dan meneroka bidang psikologi serta kaunseling bagi mencari kaedah 'memulihkan' rakyat negara ini yang terlibat sebagai pejuang kumpulan militan IS.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar percaya kolaborasi antara PDRM dan universiti itu dapat mencapai kejayaan dalam memberi ilmu dan kemahiran khusus kepada anggota pasukan keselamatan berkenaan dalam menangani masalah tersebut.

"Kita sedar mengenai ancaman dihadapi sekarang melibatkan rakyat negara ini termasuk golongan anak-anak muda yang terpengaruh untuk menjadi pejuang IS di Syria dan Iraq.

"Selain kerjasama pendidikan, PDRM dan UMS akan meneroka bidang psikologi supaya kita mendapat nilai tambah kepada proses pemulihan rakyat terutama anak-anak muda kita yang terpengaruh dengan perjuangan kumpulan IS," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara PDRM dan UMS, di sini kelmarin.

Khalid mewakili PDRM manakala UMS diwakili Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah. Turut hadir Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman Datuk Acryl Sani Abdullah Sani dan Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jalaluddin Abdul Rahman.

Khalid berkata pihaknya juga akan membincangkan langkah terbaik untuk mengadakan kerjasama dengan universiti berkenaan dalam bidang forensik bagi meningkatkan aspek-aspek keselamatan yang berkaitan.

Ditanya mengenai ancaman IS dalam kalangan generasi muda terutama mahasiswa universiti, Khalid berkata situasi masa kini menunjukkan ia tidak berada pada tahap membimbangkan.

Namun, beliau berkata polis sentiasa memantau sebarang pergerakan kumpulan IS terutama melibatkan mahasiswa selain bekerjasama dengan pihak pengurusan universiti-universiti di negara ini.

Sementara itu, Dr Mohd Harun berkata MoU itu merupakan kerjasama dalam aspek penyelidikan mengenai persoalan jenayah, keselamatan dan ketenteraman awam di negeri ini.

Beliau berkata kerjasama itu mampu memantapkan hasil penyelidikan universiti dalam memberi input berguna kepada pasukan keselamatan bagi menjamin keselamatan terutama di pantai timur Sabah.

"Saya percaya menerusi kerjasama ini, usaha dan peranan UMS dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-politik negara khususnya di Sabah," katanya. - Bernama